

JURNAL AKADEMIK

The Art of Modelling

YAP YIN @ YAP KEE KONG

Employment: Focus on Housework

WEE CHONG HUI

Evaluating Effectiveness of Teaching

SICK GOH NGONG

Towards A More Meaningful Financial Statement

WEE SHU HUI

**The Independence of the Auditors –
Fact or Fantasy**

ALLAN CHANG AIK LENG

**Masalah Pembelajaran Pelajar-Pelajar
Institut Teknologi Mara Cawangan Sarawak**

HAMIDAH ABDUL NINGGAL

Prinsip-Prinsip Pembentukan Huruf Cina

LOW KUEK LONG

**Perkembangan Imbangan Pembayaran Malaysia
1978-1987**

ROSITA HJ. SUHAIMI

ISSN 0 128-2635



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

PERKEMBANGAN IMBANGAN PEMBAYARAN MALAYSIA 1978 – 1987

oleh
Rosita Haji Suhaimi

Imbangan Pembayaran ialah sebuah rekod yang menyeluruh tentang ekonomi residen di dalam sesebuah negara dan residen di negara-negara lain selama satu tempoh jangkamasa biasanya satu tahun. Tujuan utama sesebuah negara menyimpan rekod-rekod ini ialah untuk memberitahu kerajaan tentang kedudukan ekonomi antarabangsa negara itu dan seterusnya memikirkan tentang dasar-dasar yang harus dilaksanakan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi negara tersebut. Analisa yang akan dihuraikan nanti adalah sebagai lanjutan kepada analisa-analisa yang telah dibuat oleh para ekonomis lain, di mana ianya akan mengemaskinkan perkembangan Imbangan Pembayaran.

Struktur Imbangan Pembayaran terdiri daripada tujuh buah akaun iaitu:

- (a) Akaun Dagangan atau Akaun Niaga
- (b) Akaun Perkhidmatan
- (c) Akaun Pindahan
- (d) Akaun Modal Jangka-panjang
- (e) Akaun Modal Jangka-pendek
- (f) Akaun Kesilapan dan Ketinggalan
- (g) Akaun Mudah-tunai Antarabangsa

Secara ringkas, akaun-akaun di atas mencatatkan penerimaan dan pembayaran tukaran asing. Jika penerimaan lebih besar dari pembayaran, Imbangan pembayaran dikatakan di dalam lebihan (Surplus). Sebaliknya, jika pembayaran lebih besar daripada penerimaan, Imbangan Pembayaran dikatakan di dalam kurangan. (deficit)

Jadual 1 di bawah ini menunjukkan Imbangan Pembayaran Malaysia dari 1978 hingga 1987 iaitu satu jangkamasa 10 tahun. Secara kasarnya, Imbangan Pembayaran Malaysia 10 tahun yang lampau menunjukkan Imbangan yang positif atau lebihan melainkan tahun 1982 dan 1983 yang menghadapi imbangan keseluruhan yang negatif. Ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang dibawa oleh harga minyak yang tinggi yang mana menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara-negara industri. Seterusnya, pada tahun 1987, imbangan keseluruhan semakin merosot selepas pemulihan yang baik pada tahun 1984 sehingga 1986. Kita akan teliti trend aliran ini satu persatu.

JADUAL 1 : IMBANGAN PEMBAYARAN MALAYSIA 1978 - 1987
(JANGKAMASA : 10 TAHUN)

TAHUN	1 IMBANGAN DAGANGAN	2 IMBANGAN PERKHIDMATAN	3 IMBANGAN PINDAHAN	4 IMBANGAN AKAUN SEMASA
1978	+ 3,690	- 3,337	- 104	+ 249
1979	+ 6,908	- 4,858	- 17	+ 2,033
1980	+ 5,238	- 5,813	- 45	- 620
1981	- 243	- 5,312	- 78	- 5,633
1982	- 1,758	- 6,576	- 75	- 8,409
1983	+ 1,002	- 9,098	- 21	- 8,117
1984	+ 6,986	- 10,813	- 90	- 3,917
1985	+ 8,883	- 10,539	- 66	- 1,722
1986	+ 8,748	- 9,457	- 61	- 770
1987	+ 11,864	- 9,853	- 50	+ 1,961

TAHUN	5 IMBANGAN AKAUN MODAL	6 IMBANGAN ASAS (4 + 5)	7 IMBANGAN MODAL SWASTA	8 KESILAPAN & KETINGGALAN	9 IMBANGAN KESELURU- -HAN (6+7+8)
1978	+ 1,576	+ 1,825	- 145	- 1,055	625
1979	+ 2,055	+ 4,088	- 1,584	- 715	+ 1,789
1980	+ 2,213	+ 1,593	+ 902	- 1,493	+ 1,002
1981	+ 5,931	+ 298	+ 97	- 1,488	+ 1,093
1982	+ 8,432	+ 23	+ 326	- 963	- 614
1983	+ 9,210	+ 1,093	- 263	- 885	- 55
1984	+ 6,560	+ 2,643	- 288	- 2,043	+ 312
1985	+ 4,229	+ 2,507	+ 870	- 168	+ 3,209
1986	+ 3,667	+ 2,897	+ 85	+ 1,149	+ 4,131
1987	+ 198	+ 2,159	- 2,518	+ 1,400	+ 1,045

SUMBER : Laporan Ekonomi 1987/88 & 1985/86 Kementerian Kewangan

IMBANGAN DAGANGAN

Imbangan Dagangan menunjukkan keadaan yang sentiasa positif dan semakin meningkat dari tahun ke tahun kecuali pada tahun 1981 dan 1982. Tahun-tahun tersebut dikenali sebagai tahun kemelesetan ekonomi dunia yang menyebabkan kelembapan dalam permintaan eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, Imbangan Niaga bertambah baik mulai dari tahun 1983 hingga 1987.

Jadual 2 menunjukkan Akaun Dagangan bagi tahun 1978 – 1987. Kemosrotan Akaun Dagangan pada tahun tertentu adalah disebabkan dua faktor utama. Pertama jumlah eksport yang rendah berbanding dengan jumlah import dan kedua syarat niaga yang tidak baik.

Jika kita lihat dari Jadual 3, pada tahun 1987, jumlah eksport nyata jatuh sebanyak 4% dan pada ketika yang sama jumlah import pula masih meningkat sebanyak 19.2% berbanding dengan kedudukannya pada tahun 1980. Segandingan dengan ini, syarat niaga Malaysia sentiasa menunjukkan syarat niaga yang kurang baik kecuali pada tahun 1979 (Indeks harga import sentiasa melebihi indeks harga eksport).

Pada tahun 1981, syarat niaga ialah 77.7%. Ini bermakna berlakunya kejatuhan dalam syarat niaga sebanyak 22.3%. Ini juga membawa maksud bahawa Malaysia hanya boleh memperoleh 77.7 unit import sebagai pertukaran untuk tiap-tiap 100 unit eksport. Dengan itu, kita sebenarnya mengalami kerugian dalam kuasa beli sebanyak 22.3% daripada nilai eksport. Dari segi nilai ringgitnya, kita rugi sebanyak \$5,998.70 juga. Nilai ini mewakili 10.8% daripada keluaran kasar semasa Negara yang bernilai \$55,602 juta pada tahun 1981.

Selepas tahun 1984 pula, Akaun Dagangan menunjukkan pertumbuhan yang semakin baik terutama sekali pada tahun 1987 di mana Akaun Dagangan mencatatkan peningkatan sebanyak 36% berbanding dengan kejatuhan 1.5% pada tahun sebelumnya iaitu 1986. Sebab yang paling jelas kenapa Akaun Dagangan meningkat dengan banyak ialah kenaikan permintaan asing terhadap eksport barang nyata. Menurut Laporan Ekonomi 1987/88, eksport Petroleum Mentah meningkat sebanyak 16.4% kepada \$7,241 juta yang mana menjadi sebab utama volume eksport nyata meningkat. Import kita terhadap barangan asing pula meningkat tetapi pada kadar yang lebih rendah. Selain dari itu, syarat niaga bertambah baik pada tahun 1987 berbanding dengan syarat niaga pada tahun 1986.

JADUAL 2 : AKAUN DAGANGAN

TAHUN	1978	1979	1980	1981	1982
Eksport Barang Nyata	16,932	24,060	28,013	26,900	27,946
Import Barang	13,242	17,152	22,775	27,143	29,704
Akaun Dagangan	3,690	6,908	5,238	- 243	-1,758
TAHUN	1983	1984	1985	1986	1987
Eksport Barang Nyata	31,762	38,452	37,576	35,373	40,592
Import Barang Nyata	30,760	31,466	28,693	26,625	28,728
Akaun Dagangan	1,002	6,986	8,883	8,748	11,864

SUMBER : Laporan Ekonomi 1987/88 & 1985/86 Kementerian Kewangan

JADUAN 3 : PERUBAHAN PERATUSAN (%) AKAUN DAGANGAN

TAHUN	1979	1980	1981	1982	1983
Eksport Barang Nyata	42.1	16.4	-4.0	3.9	13.7
Import Barang Nyata	29.5	32.8	19.2	9.4	3.6

TAHUN	1984	1985	1986	1987
Eksport Barang Nyata	21.1	-2.3	-5.9	14.8
Import Barang Nyata	2.3	-8.8	-7.2	7.9

SUMBER : Laporan Ekonomi 1987/88 & 1985/86 Kementerian Kewangan

JADUAL 4 : INDEKS HARGA EKSPORT DAN IMPORT

TAHUN	1978	1979	1980	1981	1982
Indeks Harga Eksport	199.4	230.7	254.3	238.1	213.0
Indeks Harga Import	208.1	223.2	267.6	306.3	304.9
Syarat Niaga	95.8	103.4	95.0	77.7	69.9

TAHUN	1983	1984	1985	1986	1987
Indeks Harga Eksport	225.6	228.2	211.0	178.3	188.3
Indeks Harga Import	291.9	283.3	280.4	247.1	250.1
Syarat Niaga	77.3	80.6	75.2	72.2	75.3

SUMBER : Laporan Ekonomi 1987/88, 1985/86 & 1983/84

IMBANGAN PERKHIDMATAN

Jadual 2, ruangan 2 menunjukkan Imbangan Perkhidmatan Malaysia yang sentiasa mengalami defisit. Hampir setiap tahun, defisit Imbangan Perkhidmatan kian meningkat kecuali pada tahun 1985 dan 1986 yang agak berkurangan sedikit. Pada tahun 1987, defisit Imbangan Perkhidmatan meningkat semula. Ini adalah kerana kita banyak berbelanja ke atas tambang dan insurans dan juga pembayaran pendapatan pelaburan iaitu dividen kepada negara asing. Sebenarnya, peningkatan belanja tambang dan insurans ada kaitannya dengan peningkatan eksport nyata. Apabila eksport nyata meningkat, kita perlukan perkhidmatan pengangkutan dan perlindungan insurans yang banyak. Justeru itulah, bagi menampung permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan dan insurans yang berlebihan kita telah menggunakan perkhidmatan asing.

IMBANGAN PINDAHAN

Pindahan rasmi ataupun persendirian Malaysian menunjukkan aliran yang sentiasa keluar. Pindahan ini lebih kepada penghantaran wang keluar oleh residen kita daripada penerimaan pindahan. Oleh itu, kita dapati Imbangan Pindahan Malaysia sentiasa negatif atau defisit.

IMBANGAN SEMASA

Merujuk kepada Jadual 2, trend yang ditunjukkan oleh Imbangan Semasa amat menarik. Mulai dari tahun 1980 sehinggalah tahun 1986, Imbangan Semasa berada di dalam keadaan kurangan yang mana sebelumnya iaitu pada tahun 1978 dan 1979 menunjukkan trend positif. Sebab-musabab terjadinya begini adalah semata-mata kerana dua buah Akaun yang telah dibicarakan sebelum ini, iaitu Akaun Perkhidmatan Malaysia yang sentiasa defisit tidak dapat dibantu atau ditutup oleh lebihan Akaun Dagangan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1987 Akaun Dagangan berjaya mengatasi defisit Akaun Perkhidmatan dan membawa kepada lebihan Imbangan Semasa kepada \$1,961 juta.

IMBANGAN AKAUN MODAL

Dari Jadual 2, kita dapati Malaysia sentiasa mendapat lebihan aliran modal masuk. Trend lebihan aliran modal ini menunjukkan semakin meningkat dari tahun 1978 sehinggalah ke tahap maksimum \$9,210 juta pada tahun 1983 dan kemudian menurun semula dan pada 1987 lebihan Akaun Modal jatuh ke tahap yang minimum iaitu \$198 juga. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan pinjaman rasmi jangka-panjang.

IMBANGAN ASAS

Imbangan Asas ialah imbangan yang diperolehi dari campuran Akaun Dagangan, Akaun Perkhidmatan, Akaun Pindahan dan Akaun Modal Jangka Panjang. Secara keseluruhan, Imbangan Asas Malaysia adalah positif bagi setiap tahun dari tahun 1978 hingga 1987. Jika tidak kerana lebihan Akaun Modal yang telah menutup defisit Imbangan Semasa, Imbangan Asas tidak akan sentiasa di dalam keadaan lebihan. Ini menunjukkan kita perlu memperhebatkan Akaun Perkhidmatan. Kita sepatutnya lebih mampu menawarkan perkhidmatan pengangkutan dan perlindungan insurans apabila kita hendak meningkatkan eksport nyata dan pergantungan kita terhadap perkhidmatan negara asing harus dikurangkan. Sebenarnya, lebihan Imbangan Asas yang dicapai oleh Malaysia adalah lebihan benar (actual surplus) yang akan membawa kepada defisit potensi. Ini bermaksud, aliran modal masuk ke Malaysia hanya memberikan lebihan sementara sahaja kepada Imbangan Asas di mana pada akhirnya kita terpaksa membayar balik modal bersama dengan bayaran bunga. Oleh itu, ada potensi bagi Malaysia untuk mendapat defisit apabila tempoh pembayaran balik modal sampai.

Pada tahun 1987, Malaysia mengalami dagangan yang baik di mana negara mencatatkan hasil dagangan yang paling baik sepanjang tempoh 10 tahun sejak 1978 iaitu \$11,864 juta. Hasil Dagangan eksport nyata ini telah dapat menutup Akaun Perkhidmatan yang defisit. Disebabkan hasil dagangan yang baik ini juga, Imbangan Asas 1987 hanya menurun sebanyak 25.4% daripada \$2,897 juta pada tahun 1986, walaupun lebih aliran modal masuk menurun sebanyak 94.6% pada tahun yang sama. Trend tahun 1987 haruslah menjadi titik-tolak kepada ekonomi Malaysia mengorak langkah. Kita harus menjadikan Imbangan Akaun Dagangan kita kukuh dan tidak hanya bergantung kepada aliran modal asing. Di samping Akaun Dagangan, Akaun Perkhidmatan juga harus diperbaiki agar tidak sentiasa mengharapkan orang asing menyediakan perkhidmatan, terutama sekali perkhidmatan pengangkutan dan perlindungan insurans.

IMBANGAN KESELURUHAN

Imbangan Keseluruhan merangkumi semua akaun kecuali akaun mudah-tunai antarabangsa. Imbangan Keseluruhan bagi Malaysia berada di dalam lebihan bagi tempoh 10 tahun yang lampau kecuali pada tahun 1982 dan 1983. Lebihan atau kurangan Imbangan Keseluruhan mencerminkan perubahan di dalam cadangan luar Bank Negara. Dari sudut pandangan perakaunan, jumlah penerimaan (catatan kredit) dan jumlah pembayaran (catatan debit) mestilah sama. Tetapi bagi sudut ekonomi pula, Imbangan Pembayaran tidak perlu seimbang. Dengan ini, lebihan atau kurangan tidak membawa implikasi yang besar. Apa yang menjadi perkara yang penting ialah Imbangan Semasa dan Imbangan Asas. Secara keseluruhan, struktur Imbangan Pembayaran Malaysia menghadapi masalah yang mungkin akan menjadi teruk pada masa hadapan. Masalahnya ialah pertama, Akaun Dagangan Malaysia tidak kukuh. Kita terlalu bergantung kepada komoditi utama seperti getah, minyak kelapa sawit dan lain-lain di mana keanjalan penawarannya yang kurang ini akan melemahkan kita dari segi kuasa meletakkan harga. Ini akan mengakibatkan syarat perdagangan kita di pihak yang rugi. Kedua, Akaun Perkhidmatan Malaysia amat condong ke negara asing. Kita terlalu menggunakan perkhidmatan asing daripada menawarkannya.

Apa yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah pembayaran yang semakin meningkat ke atas pendapatan pelaburan iaitu ke atas dividen dan keuntungan kerana perolehan melalui eksport meningkat, tambang dan khidmat insurans, pengangkutan bagi tujuan pelajaran, mengerjakan haji, perniagaan dan juga bayaran yuran pengajian yang lebih tinggi¹. Sejarah Akaun perkhidmatan sentiasa mengalami defisit dan ia harus ditukar kepada positif atau kalau tidak dalam lebihan, sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah defisit.

Masalah yang ketiga ditimbulkan oleh Akaun Modal di mana Malaysia menggunakan aliran masuk modal asing untuk menyelesaikan masalah defisit dalam Imbangan Semasa. Jadi, tindakan ini sebenarnya menyelesaikan masalah untuk jangka masa yang pendek sahaja dan apa yang lebih teruk lagi ialah masalah ini mengakibatkan masalah struktur jangka-panjang Malaysia. Hutang asing Malaysia akan menjadi bertimbun-timbun pada masa depan dengan pembayaran prinsipal dan jua bunga.

SARANAN DAN PENUTUP

Setelah menganalisa trend dan masalah Imbangan Pembayaran Malaysia, maka kita mestilah mengambil tindakan penyelesaiannya. Memang tidak dapat dinafikan, Malaysia sedang menuju ke arah yang positif tetapi perlulah diingatkan bahawa perlaksanaan penyelesaiannya haruslah lebih tegas dan giat.

Untuk menghindari Malaysia daripada mengalami kesukaran di masa hadapan, eksport barang dagangan haruslah digiatkan lagi. Selama ini, kita telah mengutamakan barang utama seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya yang mana keanjalan penawarannya amat kurang jika dibandingkan dengan barang perindustrian. Jika berlaku perubahan citarasa atau kurangnya permintaan terhadap komoditi kita, maka terpaksalah kita menanggung risiko dengan menurunkan harga untuk melariskan stok. Keadaan ini bukan sahaja merugikan sumber dan tenaga warganegara Malaysia malah membuang masa anak watan Malaysia di dalam satu pengeluaran yang kurang menghasilkan keuntungan. Adalah dimaklumkan bahawa sektor pertanian menggunakan kira-kira 32 peratus daripada tenaga pekerja dan hanya menyumbangkan kira-kira 21 peratus kepada Pengeluaran Dalam Negara Kasar (GDP)². Oleh itu adalah lebih baik bagi Malaysia mengutamakan pengeluaran barangan "nilai ditambah". Ini bermakna, barangan utama yang ada ditambah nilainya dengan melalui proses-proses pengeluaran agar ia menjadi barang perindustrian. Dari segi fleksibiliti, produk perindustrian boleh dipelbagaikan atau dengan kata lain diperluaskan barisan produknya. Industri-industri kecil seperti industri perabot boleh dipermajukan agar dapat menembusi pasaran antarabangsa dengan spesifikasi yang bersesuaian dengan citarasa dan cara hidup negara asing, sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian yang menumpukan kepada industri-industri kecil dan sederhana.³ Tambahan pula, mengikut cara perniagaan moden kita mestilah meninjau peluang-peluang keuntungan di negara-negara menampakkan peningkatan permintaan produk tertentu. Atau dengan kata lain, corak perniagaan moden adalah lebih kepada 'market-oriented' daripada 'product-oriented'. Setelah kita mengenal-pasti apa yang diperlukan atau yang diminta oleh orang asing, barulah kita melihat dari segi sumber yang boleh memenuhi kehendak orang luar negeri. Pengetahuan tentang 'market-oriented' memang sudah lama wujud, tetapi banyak daripada negara-negara membangun termasuk Malaysia hanya melariskan eksport barangan yang sudah ada. Dengan itu, disedari atau tanpa disedari, Malaysia telah memasuki pasaran yang sudah sedia padat, (Saturated market). Maka, di sini mulalah kita terlibat di dalam persaingan 'potong-leher' (cut-throat competition) di mana kita terpaksa menjual barangan kita dengan harga yang rendah. Oleh itu, adalah tidak memeranjatkan yang syarat niaga Malaysia sentiasa berkeadaan kurang baik. Syarat niaga ini akan sentiasa tidak berubah sekiranya Malaysia tidak mengubah struktur ekonominya sendiri. Mengikut kata Gaby A. Mendoza jika negara kita mahu membangun dan jika rakyat mahukan taraf hidup yang baik, kita mestilah terlebih dahulu melepaskan genggamannya daripada kenikmatan kekayaan sumber yang ada.⁴ Sebaliknya, kita mesti menumpukan perhatian kepada apa yang diminta oleh pelanggan kerana pelanggan atau pengguna itu adalah raja kepada perniagaan moden.

Walau bagaimanapun, jika masih mahu meneruskan keluaran barangan utama, Malaysia dan negeri-negera lain yang sama-sama mengeluarkan produk yang sama haruslah bermuafakat mengenai harga piawai. Ini penting untuk menstabilkan harga komoditi utama terutama sekali bagi komoditi yang mempunyai keluk penawaran yang kurang anjal.

2 Menuju Suatu Harapan Baru – Pelan Pemulihan Nasional 1988 – 1990, m.s.17.

3 Ibid, m.s.7.

4 Gaby A. Mendoza, *On Learning What We Already Know*, m.s.74.

Di dalam usaha kita untuk mempertingkatkan eksport Malaysia, sama ada untuk jangka panjang atau jangka pendek, adalah baik bagi ekonomi Malaysia dipelbagaikan. Apabila ekonomi kita bercorak kepelbagaian, maka ini akan mengurangkan pergantungan kita terhadap naik-turun permintaan asing. Selain daripada langkah kepelbagaian, Malaysia juga harus menitik-beratkan kemajuan teknologi agar keluarannya terkenal sebagai keluaran yang bermutu tinggi di mata dunia dan dapat menyaingi dagangan dari segi kemajuan teknikal. Dengan ini, Malaysia dapat melahirkan pelanggan yang setia kepada keluaran Malaysia. Eksport perkhidmatan juga harus dipertingkatkan. Setakat ini, apa yang ditekankan ialah industri pelancungan. Malaysia adalah negara yang sedang membangun dan banyak menggunakan perkhidmatan pengangkutan dan insuran kerana peningkatan hasil eksportnya. Hasil daripada peningkatan eksport nyata ini telah menguntungkan pihak asing. Sudah sekian lama Imbangan Perkhidmatan telah dibiarkan di dalam keadaan defisit. Oleh itu Industri Perkapalan Malaysia haruslah memainkan peranan untuk mengubah kedudukan defisit ini.

Selain daripada strategi galakan eksport untuk memperbaiki Imbangan Pembayaran, strategi pengurangan import patut dijalankan secara serentak. Biasanya dasar perlindungan digunakan untuk mengurangkan import di mana cukai kastam dikenakan ke atas barangan asing. Selain daripada untuk melindungi industri tempatan, cukai ke atas barangan asing haruslah ditekankan ke atas barang-barang mewah dan yang kurang penting. Dengan itu, bayaran kepada negara asing dapat dijimatkan. Tambahan kepada penjimatan ini, strategi penggantian import yang kini sedang dalam pelaksanaan harus digiatkan lagi. Ini dilakukan dengan menanam semangat patriotik di dalam sikap warganegara Malaysia, seperti yang dilau-lungkan masa kini 'Belilah Barangan Buatan Malaysia', ialah galakan kepada orang tempatan untuk bercuti di negara sendiri. Ini bukan sahaja mengurangkan aliran keluar wang ke negara asing malah merupakan satu promosi kepada pelancung-pelancung untuk datang ke negara kita. Strategi penggantian import juga harus dilanjutkan kepada bahan-bahan makanan. Import bahan-bahan makanan masih lagi merupakan sebahagian besar daripada jumlah import negara. Oleh itu, penanaman bahan-bahan makanan akan dapat menjimatkan pengeluaran wang keluar dan mengurangkan invoice import.

Lebih Imbangan Modal yang mana sentiasa membantu menutup defisit Imbangan semasa tidak menjadi masalah jika pelaburan asing ini adalah pelaburan yang menjalankan pekerjaan dalam negara, memperluaskan potensi-potensi industri kecil dan sederhana di pasaran dunia dan seterusnya boleh menambahkan hasil eksport negara. Pelaburan asing haruslah digunakan ke atas projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat di negara itu dan tidak perlu ada prestij. Dengan lain perkataan, ia patut ditumpukan kepada projek yang lebih menggunakan barang-barang dan kemahiran tempatan agar aliran bayaran ke negara asing dapat dikurangkan. Ini membawa maksud lebih modal asing haruslah digunakan untuk tujuan meningkatkan eksport kita semula dengan mengagihkan modal tersebut kepada kegunaan yang boleh menjanakan pendapatan dalam negara dan tidak mengalir keluar ke negara asing.

Kesimpulannya, jika Malaysia tidak menghiraukan masalah struktur Imbangan Pembayaran, pertumbuhan ekonomi negara akan terbantut kerana berkemungkinan menghadapi Imbangan Pembayaran yang defisit pada masa hadapan. Oleh itu, perlulah melakukan perancangan yang teliti agar masalah strukturnya tidak lagi menghalang pembangunan ekonomi nasional.

BIBLIOGRAPHY

Bank Negara Malaysia, **Bulletin Suku Tahun**

Jil. 14,4, Disember 1981.

Jil. 15, Bil. 3, September 1985.

Jil. 18, Bil. 4, Disember 1987.

Jil. 2, Bil. 3, Disember 1987.

Bank Negara Malaysia, **Laporan Tahun 1987**.

Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan, **Ekonomi Malaysia**, Longman Malaysia, Kuala Lumpur, 1985.

Khor Kok Peng, **Malaysia's Economy in Decline**, Consumers, Association of Penang, 1987.

(Terjemahan Toh Kin Woon), **Ekonomi Malaysia dan Kemerosotan**, Institut Masyarakat, 1987.

Economic Report 1983/84, Ministry of Finance, Malaysia.

Economic Report 1985/86, Ministry of Finance, Malaysia.

Economic Report 1987/88, Ministry of Finance, Malaysia.

Mendoza, G.A., **On Learning What We Already Know**, World Executive Digest, May 1989, Vol. X, No. 5.

Menuju Suatu Harapan. Pelan Pemulihan Nasional 1988 – 1990. Pergerakan Pemuda UMNO, Kuala Lumpur, 14 Julai 1987.